

**Pesara Berpeluang Jumpa PM Selepas Sering Berhubungan Melalui E-Mel  
Bernama  
02 Mei, 2012  
Oleh Hamdan Ismail**

KUCHING, 2 Mei (Bernama) -- Selepas kira-kira setahun berhubungan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menerusi e-mel, hasrat seorang pesara untuk bertemu pemimpin nombor satu negara itu akhirnya tertunai.

Sambil membawa salinan jawapan e-mel terakhir Najib kepadanya, Chek Jalil Samion, 60, hanya mempunyai satu impian untuk datang ke Pasar Tani Matang Jaya di sini.

Perdana Menteri mahu bertemunya di pasar itu.

Dalam salinan e-mel itu yang ditunjukkan oleh Chek Jalil kepada Bernama, Najib menjemputnya datang ke pasar itu pada 28 April, kerana beliau akan melakukan tinjauan mesra di situ.

"Oleh kerana beliau telah menulis kepada saya meminta saya supaya membawa salinan e-mel ini, saya telah bawanya, dan saya rasa saya antara beberapa orang yang bertuah dapat bercakap dengannya secara peribadi," katanya kepada Bernama.

Dalam pertemuan itu, Chek Jalil berkata Najib mengucapkan terima kasih atas cadangan yang telah diberikan beliau mengenai isu-isu semasa yang menjejaskan negara, melalui e-mel.

"Malahan sebelum bertemu beliau (Najib) secara peribadi, saya tahu daripada nada beliau dalam e-mel bahawa beliau seorang yang berfikiran terbuka dan menyambut baik setiap cadangan yang diberikan," katanya.

Katanya isu yang dibualkan dengan Najib lebih kepada kesejahteraan rakyat biasa sepertinya, dan Chek Jalil menambah kata beliau turut memberikan cadangan bagaimana kerajaan boleh membantu.

"Saya galakkan setiap rakyat Malaysia untuk menghantar e-mel kepada beliau...tweeting mungkin tidak memadai," kata pesara yang arif mengenai teknologi maklumat itu.

Mengenai berapa lama perbualannya dengan perdana menteri, katanya: "Dua minit...tetapi saya berbesar hati dapat bercakap dengannya secara bersemuka."

Tinjauan mesra di Pasar Tani Matang Jaya itu adalah yang terbaru dilakukan oleh Najib. Sebelum ini, beliau melakukan siri 13 tinjauan mesra di 30 lokasi di Sarawak antara 22 Feb, 2010 dan 12 Julai, tahun lepas.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663272>